



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT.S(G)2000/011/031 Jld.8 (34)  
Tarikh : 14 Jun 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof.,

*MEU rujukan*  
*22/6*  
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 Shah Alam, Selangor



## PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 JABATAN PENDIDIKAN TINGGI – TATACARA PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT OLEH UNIVERSITI AWAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. sedia maklum, Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021 Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) berkaitan Penganugerahan Ijazah Kehormat oleh Universiti Awam adalah bertujuan untuk memberi panduan mengenai tatacara yang perlu dipatuhi berkaitan penganugerahan Ijazah Kehormat bagi mengiktiraf jasa, sumbangan, kecemerlangan dan ketokohan individu-individu tertentu untuk dijadikan rujukan oleh Universiti Awam (UA).

3. Bagi menambah baik Pekeliling sedia ada dan memenuhi hasrat universiti untuk mengiktiraf jasa, sumbangan dan kecemerlangan tokoh dalam bidang berkaitan, Jabatan telah menambah baik Pekeliling sedia ada dengan menambah bahagian berkaitan kriteria penganugerahan dan tatacara penggunaan gelaran (Dr.) bagi penerima Ijazah Kehormat Kedoktoran.

4. Sehubungan itu, sukacita Jabatan mengemukakan Pekeliling Pentadbiran Bil. 1/2023 Jabatan Pendidikan Tinggi untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/ Dato'/Prof. jua.

Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,




**(PROF. DR. AZLINDA AZMAN)**

s.k

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi


## **SENARAI EDARAN**

1. YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor  
Naib Canselor  
Universiti Malaya  
Bangunan Naib Canselor  
Universiti Malaya  
**50603 KUALA LUMPUR**
  
2. YBhg. Dato' Prof. Dr. Abdul Rahman bin Mohamed  
Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canselori  
**11800 PULAU PINANG**
  
3. YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canselori  
43600 Bangi  
**SELANGOR**
  
4. YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman  
Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang  
**SELANGOR**
  
5. YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia  
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim  
81310 UTM Johor Bahru  
**JOHOR**
  
6. YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Emeritus Dr. Dzulkifli Abdul Razak  
Rektor  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Aras 4, Bangunan Muhammad Abdul-Rauf  
**53100 KUALA LUMPUR**

7. YBrs. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
06010 Sintok  
**KEDAH**
  
8. YBhg. Datuk Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak  
Aras Penthouse, Bangunan Canselori  
94300 Kota Samarahan  
**SARAWAK**
  
9. YBhg. Datuk Prof. Dr. Kasim Hj. Md. Mansur  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah  
Aras 5, Blok Selatan, Bangunan Canselori  
88400 Kota Kinabalu  
**SABAH**
  
10. YBhg. Dato' Prof. Dr. Md Amin Md Taff  
Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim  
**PERAK**
  
11. YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
**NEGERI SEMBILAN**
  
12.  YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 6, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
40450 Shah Alam  
**SELANGOR**

13. YBhg. Dato' Prof. Dr. Mazlan Abd. Ghaffar  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**
14. YBrs. Prof. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat  
**JOHOR**
15. YBrs. Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**
16. YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan  
**PAHANG**
17. YBhg. Lt. Kol. Dato' Prof. Ts. Dr. Zaliman bin Sauli  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis  
Aras 4, Bangunan Canselori  
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra  
02600 Arau  
**PERLIS**
18. YBrs. Prof Dr. Fadzli Adam  
Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

19. YBhg. Dato' Prof. Dr. Razli Che Razak  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok  
16300 Bachok  
**KELANTAN**
  
20. YBhg. Lt Jen Datuk Hasagaya bin Abdullah  
Naib Canselor  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
57000 Kem Sungai Besi  
**KUALA LUMPUR**



## PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 1 TAHUN 2023

### JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

#### Tatacara Penganugerahan Ijazah Kehormat oleh Universiti Awam

#### Tujuan

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi panduan mengenai tatacara yang perlu dipatuhi berkaitan penganugerahan Ijazah Kehormat bagi mengiktiraf jasa, sumbangan, kecemerlangan dan ketokohan individu-individu tertentu untuk dijadikan rujukan oleh Universiti Awam (UA).

#### Tafsiran

2. Bagi maksud Pekeliling Pentadbiran ini:

“**Ijazah Kehormat**” adalah ijazah yang dianugerahkan sebagai penghargaan kepada individu yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah berbuat jasa cemerlang kepada awam.

“**Anggota Pentadbiran**” adalah seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik bagi maksud Persekutuan. Manakala, bagi maksud sesuatu Negeri, adalah seseorang yang memegang sesuatu jawatan yang bersamaan di dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatan).

"Ketua Perkhidmatan" bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan.

### Latar Belakang

3. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna akan usaha-usaha UA untuk mengiktiraf jasa, sumbangan dan kecemerlangan tokoh dalam dan luar negara serta pembesar negara dan pembesar negara asing, dengan menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada mereka yang berkenaan.
4. Dalam hal ini, Perkara 4(1)(e) Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) telah memperuntukkan bahawa universiti mempunyai kuasa untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah berbuat jasa cemerlang kepada awam.
5. Penganugerahan ini boleh diberikan semasa Majlis Konvokesyen Universiti atau dalam mana-mana upacara atau istiadat lain yang dianggap sesuai oleh UA.

### Tanggungjawab Universiti

6. Menjadi tanggungjawab UA untuk memastikan penerima Ijazah Kehormat adalah layak berdasarkan sumbangan dan jasa terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan kepada awam. Pada masa yang sama, UA perlu memastikan penganugerahan **tidak diberikan** kepada Anggota Pentadbiran dan Ketua Perkhidmatan yang masih memegang jawatan dalam perkhidmatan awam bagi mengelakkan salah tanggapan daripada umum dan konflik kepentingan. Penganugerahan juga tidak boleh diberikan kepada individu yang masih berkhidmat di institusi berkaitan.
7. Penggunaan gelaran Doktor (Dr.) oleh penerima Ijazah Kehormat yang tidak memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) adalah dibenarkan dalam sebarang majlis dan penerbitan sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan



kecemerlangan tokoh dalam bidang berkaitan. Walau bagaimanapun, gelaran tersebut hendaklah ditulis dalam kurungan (Dr.) bagi membezakannya daripada penerima ijazah Ph.D. Tatacara penggunaan gelaran (Dr.) adalah seperti **LAMPIRAN D**.

8. Bagi memastikan penganugerahan Ijazah Kehormat ini tidak memberi sebarang implikasi negatif kepada dasar sedia ada negara dan tiada penyalahgunaan terhadap gelaran Ijazah Kehormat tersebut, sebarang permohonan bagi penganugerahan perlulah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) untuk perakuan YB Menteri Pendidikan Tinggi sebagaimana Tatacara Permohonan Perakuan pada **LAMPIRAN A**.
9. Penganugerahan Ijazah Kehormat ini tidak perlu dibawa kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan sebagaimana yang dinyatakan pada Perkara 4.1 Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bil.1 Tahun 2021 iaitu Perkara-Perkara Yang Memerlukan Penyediaan Memorandum.

#### **Tatacara Permohonan**

10. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada JPT selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh penganugerahan. Kertas cadangan bagi maksud permohonan adalah sebagaimana yang dinyatakan pada **LAMPIRAN A** pekeliling ini.
11. Carta alir bagi maksud proses kerja seperti **LAMPIRAN B**.

#### **Pemakaian**

12. Pekeliling ini adalah terpakai bagi semua UA.

## **Pembatalan**

13. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Pentadbiran ini, perenggan 7 yang dinyatakan dalam Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 tahun 2021 Jabatan Pendidikan Tinggi adalah dibatalkan.


## **Tarikh Kuat kuasa**

14. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeliiling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(PROF. DR. AZLINDA AZMAN)  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Tarikh: 14 Jun 2023

## LAMPIRAN A

### Tatacara Perakuan Bagi Penganugerahan Ijazah Kehormat Kepada Tokoh Dalam Negara / Tokoh Luar Negara / Pembesar Negara / Pembesar Negara Asing

1. Pihak Universiti Awam (UA) boleh mengemukakan permohonan untuk sebarang cadangan penganugerahan Ijazah Kehormat kepada mana-mana tokoh dalam negara / pembesar negara / pembesar negara asing kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk semakan dan penyelarasan lanjut.
2. Sehubungan dengan itu, UA perlu mengemukakan kertas cadangan penganugerahan Ijazah Kehormat yang mengandungi maklumat-maklumat berikut:

#### 2.1 Bahagian A: Maklumat Permohonan

##### a) Tujuan

Perlu dinyatakan dengan jelas tujuan kertas pertimbangan disediakan.

##### b) Latar Belakang

Perlu dinyatakan maklumat-maklumat seperti berikut:

- i. Maklumat calon;
- ii. Maklumat jenis pencalonan;
- iii. Tarikh majlis penganugerahan; dan
- iv. Kelulusan senat dan lembaga pengarah.

##### c) Justifikasi penganugerahan;

- i. Sumbangan dan impak calon seperti pada **LAMPIRAN C**; dan


##### d) Syor

#### 2.2 Bahagian B: Dokumen Sokongan

- a) **Lampiran I** –Cabutan Minit Mesyuarat Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mengenai kelulusan penganugerahan Ijazah Kehormat berkaitan;

- b) **Lampiran II** –Biodata calon (termasuk maklumat kewarganegaraan calon);
  - c) **Lampiran III** –Ulasan daripada Kementerian Luar Negara (KLN) bagi calon luar negara; atau
  - d) **Lampiran IV** –Ulasan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) atau semakan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), semakan integriti daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan laporan insolvensi daripada Jabatan Insovensi Malaysia (MDI) bagi calon dalam negara; dan
  - e) **Lampiran V** –Maklumat-maklumat lain (sekiranya ada).
3. Kertas kerja dan dokumen sokongan perlu disertakan bersama-sama permohonan bagi maksud semakan kredibiliti oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).
  4. Bagi maksud penganugerahan Ijazah Kehormat kepada tokoh luar negara dan pembesar luar negara, cadangan penganugerahan tersebut perlu disekalikan dengan ulasan daripada KLN.
  5. Manakala bagi maksud penganugerahan Ijazah Kehormat kepada tokoh dalam negara dan pembesar negara, ulasan daripada KDN atau semakan keselamatan PDRM, semakan integriti SPRM dan laporan insolvensi MDI perlu dikemukakan.
  6. Pihak JPT akan memproses permohonan yang dikemukakan setelah mendapati semua maklumat yang dikemukakan oleh UA adalah mengikut aturan dan lengkap.
  7. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pihak UA setelah mendapat perakuan daripada Menteri Pendidikan Tinggi.

CARTA ALIR



**A. KRITERIA AM BAGI PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT**

Bil.	Kriteria	Ijazah Kehormat Kedoktoran	Ijazah Kehormat Sarjana
1.	Ijazah kehormat dalam disiplin yang ditawarkan di UA berkaitan	√	√
2.	Mendapat perakuan integriti, keselamatan dan insolvensi	√	√
3.	Pengalaman dalam bidang berkaitan	>20 tahun	>15 tahun
4.	Umur	>50 tahun	>45 tahun

**1. Ijazah Kehormat dalam disiplin yang ditawarkan di UA berkaitan**

Merujuk kepada penganugerahan ijazah kehormat yang diberikan perlulah mempunyai program akademik sedia ada yang ditawarkan di universiti berkaitan.

**2. Mendapat perakuan integriti, keselamatan dan insolvensi**

Merujuk kepada semakan integriti kes rasuah daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tapisan keselamatan daripada Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) atau melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan laporan insolvensi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia. Bagi calon antarabangsa, perakuan daripada Kementerian Luar Negeri perlu dikemukakan.

**3. Pengalaman dalam bidang berkaitan**

Merujuk kepada jumlah tahun pengalaman calon dalam bidang penganugerahan ijazah kehormat.

**4. Umur**

Merujuk kepada umur calon sewaktu penganugerahan akan diberikan.

## B. KRITERIA KHUSUS BAGI PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT

Bil.	Kriteria	Ijazah Kehormat Kedoktoran	Ijazah Kehormat Sarjana
1.	Sumbangan dan impak dalam bidang	Perlu memenuhi 5 daripada 7 kriteria	Perlu memenuhi 3 daripada 7 kriteria

### **Sumbangan dan impak dalam bidang**

Merujuk kepada tahap sumbangan dan impak dalam bidang penganugerahan calon berkaitan yang perlu meliputi kriteria-kriteria berikut:

- (i) Calon telah memberi sumbangan cemerlang kepada masyarakat di peringkat antarabangsa/ negara;
- (ii) Calon telah memberi sumbangan cemerlang kepada kemajuan ilmu di peringkat antarabangsa/ negara;
- (iii) Calon telah memberi sumbangan cemerlang kepada perkembangan dan penyebaran pengetahuan;
- (iv) Calon telah memberi sumbangan cemerlang kepada universiti berkaitan di peringkat antarabangsa/ negara;
- (v) Calon berupaya menaikkan citra Universiti atau dapat mewujudkan jalinan perhubungan antara Universiti dengan badan luar;
- (vi) Calon telah memberi sumbangan cemerlang kepada bidang penciptaan yang memperkaya budaya; atau
- (vii) Calon merupakan seorang tokoh yang dihormati dan boleh dijadikan teladan dari segi personaliti.

Nota: Jabatan boleh mempertimbangkan calon yang tidak memenuhi kriteria am seperti di perenggan 3 dan 4 **LAMPIRAN C**.

**Tatacara Penggunaan Gelaran (Dr.) Bagi Ijazah Kehormat Kedoktoran**

1. Penggunaan singkatan anugerah

Gelaran tersebut hendaklah ditulis dalam kurungan (Dr.) bagi membezakannya daripada penerima ijazah Ph.D.

Contoh penggunaan singkatan Ijazah Kehormat Persuratan:

**BM - YBhg. Dato' (Dr.) xxxxxxxxxxxxxx**

2. Salutasi dalam majlis

Salutasi Doktor hanya dihadkan dalam majlis-majlis universiti yang menganugerahkan ijazah kehormat tersebut sahaja.